

20 JUL 1996

PM PULANG SELEPAS LAWATAN KE ASIA TENGAH

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed selamat pulang hari ini selepas melakukan lawatan enam hari ke Republik Kyrgyz dan Kazakhstan di Asia Tengah.

Ketibaan Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang disambut oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat dan Timbalan Menteri Raja Datuk Ariffin Raja Sulaiman.

Pesawat Penerbangan Malaysia yang membawa Dr Mahathir dan anggota delegasi mendarat pada 8.20 malam.

Dr Mahathir mengetuai satu delegasi mengandungi lima menteri, tiga orang menteri besar, seorang ketua menteri dan tokoh perniagaan.

Antara mereka yang menyertai delegasi itu ialah Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan Tun Daim Zainuddin, Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Mereka berada di Republik Kyrgyz selama tiga hari dan tiga hari lagi di Kazakhstan. -- BERNAMA

AFY MAM OBA